

**PENYELESAIAN KONFLIK TUNTUTAN  
NAFIKAH ANAK DI MAHKAMAH SYARIAH  
PULAU PINANG**

**MOHD HAZWAN BIN ISMAIL**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2020**

**PENYELESAIAN KONFLIK TUNTUTAN  
NAFIKAH ANAK DI MAHKAMAH SYARIAH  
PULAU PINANG**

**oleh**

**MOHD HAZWAN BIN ISMAIL**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Disember 2020**

## **DEDIKASI**

*Istimewa buat...*

*Allahyarham mamaku, Jamilah binti Salleh*

*(Kembali ke rahmatullah pada 12 Ramadhan 1438H / 07 Jun 2017*

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Pertama sekali saya mengucapkan syukur Alhamdullillah kepada Allah Taala kerana kuasa dan esa-Nya memberi saya kekuatan untuk menyiapkan tesis ini. Kepada baba, adik-adik dan isteri serta keluarga saya yang tercinta, terima kasih atas pengorbanan jasa dan doa kalian yang merupakan tunjang kekuatan untuk diri saya menjadi lebih baik pada hari ini dan masa yang mendatang.

Dikesempatan ini, saya ucapan terima kasih yang tak terhingga buat penyelia utama saya iaitu **Prof. Madya Dr. Jasni bin Sulong** yang sudi menerima saya sebagai pelajar di bawahnya kerana komitmen, tunjuk ajar, nasihat, ilmu dan pengorbanan beliau sejak dari mula perkenalan hingga akhir penghasilan tesis ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ini buat **Puan Hasniah binti Hassan** selaku Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang kerana memberi kerjasama penuh dalam memberi maklumat berkenaan tesis ini.

Seterusnya, penghargaan ini juga saya dedikasikan buat sahabat saya, **Tuan Nik Suhaimi bin Nik Saberi** atas pertolongan, sumbangan idea dan komen yang membina dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pegawai-pegawai di Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara, Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah, Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya. Selain itu, pegawai di Jabatan Bantuan Guaman, pegawai Bahagian Sokongan Keluarga serta Peguam-peguam yang bijaksana dalam membekalkan maklumat berkaitan dengan kajian ini.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan juga kepada sahabat-sahabat atas nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penghasilan tesis ini. Semoga kalian semua akan dilindungi dan diberkati oleh Allah S.W.T di dunia maupun di akhirat.

*JazakumulLahu Khaira Kathira.*

Kedah Darul Aman

**MOHD HAZWAN BIN ISMAIL**

Disember 2020

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI SINGKATAN.....</b>	<b>xi</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI.....</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI STATUT.....</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI KES.....</b>	<b>xv</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>xix</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>xxi</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan.....	1
1.2    Latar belakang .....	1
1.3    Masalah Kajian .....	5
1.4    Persoalan Kajian .....	6
1.5    Objektif Kajian .....	7
1.6    Skop Kajian .....	7
1.7    Sorotan Kajian Lepas .....	9
1.8    Metodologi Kajian .....	16
1.8.1    Metode Pengumpulan Data .....	17
1.8.1(a) Kajian Kepustakaan .....	17
1.8.1(b) Kajian Lapangan .....	18
1.8.2    Metode Analisis Data .....	24
1.8.2(a) Metode Deduktif .....	24

1.8.2(b) Metode Induktif .....	25
1.8.2(c) Metode Komparatif .....	26
1.9 Definisi Operasional.....	26
<b>BAB 2 HAK NAFKAH ANAK DAN PENYELESAIAN KONFLIK OLEH HAKIM DARI SEGI SYARAK</b>	
2.1 Pendahuluan.....	30
2.2 Definisi Nafkah Anak.....	30
2.3 Jenis-Jenis Nafkah Anak.....	32
2.4 Kewajipan Nafkah Anak.....	43
2.4.1 Anak Angkat.....	47
2.4.2 Anak Tak Sah Taraf.....	49
2.5 Perpindahan Tanggungjawab Nafkah Anak Kepada Pihak Lain.....	53
2.6 Kadar Nafkah.....	58
2.7 Tempoh Nafkah Anak.....	61
2.8 Kaedah Fiqh Dalam Menyelesaikan Konflik Dengan Cara Perintah Nafkah Anak Secara Mandatori.....	64
2.9 Kesimpulan.....	68
<b>BAB 3 BIDANGKUASA MAHKAMAH SYARIAH DAN PENGELUARAN PERINTAH NAFKAH ANAK SEBELUM TAHUN 2016</b>	
3.1 Pendahuluan.....	70
3.2 Bidangkuasa Mahkamah Syariah Dalam Hal Ehwal Nafkah Anak.....	70
3.2.1 Sejarah Peruntukan Undang-Undang.....	71
3.2.2 Peruntukan Undang-Undang.....	73
3.3 Prosiding Pengeluaran Perintah Nafkah Anak Dari Negeri-Negeri.....	94
3.4 Tuntutan Nafkah Anak Di Mahkamah Syariah Pulau Pinang Sebelum Tahun 2016.....	96

3.5	Penyebab Kes Tertangguh.....	128
-----	------------------------------	-----

3.6	Kesimpulan.....	135
-----	-----------------	-----

#### **BAB 4 ANALISIS KEBERKESANAN PERINTAH NAFKAH ANAK SECARA MANDATORI BERDASARKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

4.1	Pendahuluan.....	137
-----	------------------	-----

4.2	Peruntukan Undang-undang Mengenai Perintah Nafkah Anak Di Pulau Pinang.....	137
-----	-----------------------------------------------------------------------------	-----

4.3	Konsep Pelaksanaan Perintah Nafkah Anak Secara Mandatori.....	141
-----	---------------------------------------------------------------	-----

4.4	Perkembangan Perintah Nafkah Anak Secara Mandatori.....	145
-----	---------------------------------------------------------	-----

4.3.1	Peraturan <i>Inquisitorial</i> .....	145
-------	--------------------------------------	-----

4.3.2	Data Statistik dan Kes-kes Selepas Pelaksanaan Perintah Nafkah Anak Mandatori Di Pulau Pinang.....	148
-------	----------------------------------------------------------------------------------------------------	-----

4.5	Tempoh Selepas Pelaksanaan.....	184
-----	---------------------------------	-----

4.6	Purata Tempoh Penyelesaian Kes Dari Tahun 2013 Sehingga Tahun 2018.....	186
-----	-------------------------------------------------------------------------	-----

4.7	Impak Selepas Pelaksanaan.....	189
-----	--------------------------------	-----

4.8	Kesan Kelebihan Dan Kekurangan Selepas Melaksanakan Nafkah Anak Secara Mandatori.....	191
-----	---------------------------------------------------------------------------------------	-----

4.8.1	Kelebihan .....	191
-------	-----------------	-----

4.8.2	Kekurangan .....	203
-------	------------------	-----

4.9	Kesimpulan.....	206
-----	-----------------	-----

#### **BAB 5 KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan.....	208
-----	------------------	-----

5.2	Rumusan.....	208
-----	--------------	-----

5.3	Cadangan.....	219
-----	---------------	-----

**BIBLIOGRAFI.....223**

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 3.1 Kadar Nafkah Anak Secara Asas	80
Jadual 3.2 Tempoh bagi mendapatkan perintah MRSDTL	97
Jadual 3.3 Tempoh Bagi Mendapatkan Perintah MRSSPU	103
Jadual 3.4 Tempoh Bagi Mendapatkan Perintah MRSSPT	110
Jadual 3.5 Tempoh Bagi Mendapatkan Perintah MRSDBD	117
Jadual 3.6 Tempoh Bagi Mendapatkan Perintah MRSSPS	124
Jadual 3.7 Alasan Tangguhan Kes Mahkamah Rendah Syariah Pulau Pinang	128
Jadual 3.8 Bilangan Alasan Tangguhan Kes Mahkamah Rendah Syariah Pulau Pinang	130
Jadual 4.1 Tempoh bagi mendapatkan perintah MRSDTL	148
Jadual 4.2 Tempoh Bagi Mendapatkan Perintah MRSSPU	159
Jadual 4.3 Tempoh Bagi Mendapatkan Perintah MRSSPT	168
Jadual 4.4 Tempoh Bagi Mendapatkan Perintah MRSDBD	175
Jadual 4.5 Tempoh Bagi Mendapatkan Perintah MRSSPS	180
Jadual 4.6 Tempoh Selepas Pelaksanaan Perintah Nafkah Anak Secara Mandatori	184
Jadual 4.7 Tempoh Selepas Pelaksanaan Perintah Nafkah Anak Tak Sah Taraf Secara Mandatori	185
Jadual 4.8 Tempoh Selepas Pelaksanaan Perintah Nafkah Anak Angkat Secara Mandatori	185
Jadual 4.9 Purata bagi keseluruhan Mahkamah Syariah Daerah untuk tahun bermula 2013 sehingga 2018	186
Jadual 4.10 Impak Selepas Pelaksanaan Perintah Nafkah Anak Secara Mandatori	189

Jadual 4.11	Impak Selepas Pelaksanaan Perintah Nafkah Anak Tak Sah Taraf Secara Mandatori	191
Jadual 4.12	Impak Selepas Pelaksanaan Perintah Nafkah Anak Angkat Secara Mandatori	191
Jadual 4.13	Kehadiran pihak pelanggan untuk hadir ke mahkamah	192
Jadual 4.14	Kehadiran tempoh masa pihak pelanggan untuk hadir ke mahkamah	194
Jadual 4.15	Kos bagi kehadiran pihak pelanggan dalam Pulau Pinang dan luar Pulau Pinang dalam urusan Mahkamah Syariah	197

## **SENARAI RAJAH**

### **Halaman**

Rajah 4.1	Perbandingan Tempoh Dan Purata Bagi Mahkamah Syariah Daerah-Daerah	188
-----------	-----------------------------------------------------------------------	-----

## **SENARAI SINGKATAN**

EUKIPP 2004	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
JBG	Jabatan Bantuan Guaman
JH	Jurnal Hukum
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JKSNPP	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang
LWN	Lawan
M.L.J	Malay Law Journal
MRSDBD	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya
MRSDTL	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut
MRSSPS	Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan
MRSSPT	Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah
MRSSPU	Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara
NO.	Nombor
Op.Cit	Opera Citato : Dalam Karya Sebelumnya
RM	Ringgit Malaysia
t.t	Tanpa Tahun

## PANDUAN TRANSLITERASI

<b>Arab</b>	<b>Roman</b>
ا ، ئ	a,’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ

<b>Arab</b>	<b>Roman</b>
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h,t

## **SENARAI STATUT**

***Statut-status Sebelum Kemerdekaan;***

Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952.

Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)

***Statut-status Selepas Kemerdekaan;***

Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957 (Akta 299)

Akta Perempuan Bersuami Dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968.

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.

Enakmen- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Kedah 1978.

Enakmen- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Perak 1965.

Enakmen- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Perlis 1964.

Enakmen- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Pulau Pinang 1959.

Enakmen Keluarga Islam (Kelantan) 2002

Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.

Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan 1966

Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Johor 1978.

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Melaka 1959.

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Negeri Sembilan 1960.

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 1991.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 2003.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Melaka) 2002,

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pahang) 2005

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 2004,  
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Sabah) 2004  
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003,  
Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985  
Ordinan Majlis Islam (Penubuhan) Sarawak 1977.  
Ordinan Pentadbiran Hukum Syarak, Sabah 1977.  
Perlembagaan Persekutuan

## SENARAI KES

	<b>Halaman</b>
<i>AAA lwn MSH (2019), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 384/2019</i>	93
<i>AAM lwn NMH (2013), Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal: 650/2013.</i>	101
<i>AAR lwn ARS (2016), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal: 948/2016.</i>	160
<i>ABA lwn WMH (2018), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 325/2018.</i>	165
<i>ABH lwn MNA (2016), Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 260/2016.</i>	151
<i>ABI lwn NHS (2017), Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 109/2017.</i>	153
<i>ABJ lwn NSK (2017), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 354/2017.</i>	166
<i>ABM lwn FBY (2016), Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal: 246/2016.</i>	92
<i>ABS lwn ABJ (2017), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 636/2017.</i>	161
<i>EBI lwn RMN (2015), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 106/2015.</i>	105
<i>Faridah Hanim lwn Abd. Latiff, (2006) 22 <b>JH(I)</b> 27.</i>	78
<i>Fatimah binti Abdullah dan Seorang lagi lwn Mat Zin bin Kassim, (2001) 14 <b>JH</b> 225.</i>	90
<i>FMK lwn RBA (2018), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 604/2018.</i>	164
<i>HAH lwn CAH (2016), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 404/2016</i>	161
<i>Hasanah binti Abdullah lwn Ali bin Muda, (1999) 13 <b>JH</b> 159.</i>	82
<i>HBH lwn NBS (2016), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 284/2016.</i>	166
<i>HBR lwn MAB (2018), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 292/2018.</i>	168

<i>HMH lwn HBH (2016)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 635/2016.	168
<i>Jinah lwn Aziz, (1999) 6 JH(II) 344.</i>	78
<i>MAH lwn MSJ (2018)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 731/2018.	92
<i>MAR lwn HBA (2016)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 439/2016.	181
<i>MBO lwn HBS (2014)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 733/2014	118
<i>MIZ lwn NMN (2018)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 146/2018.	154
<i>MMR lwn ASO (2014)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 583/2014.	98
<i>NAB lwn TAM (2015)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal: 556/2015	99
<i>NBA lwn NAM (2013)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 207/2013	110
<i>NBR lwn AFM (2016)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 125/2016	181
<i>NBR lwn MRA (2018)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 176/2018.	175
<i>NBS lwn MDA (2015)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 208/2015	197
<i>NHA lwn ZCM (2016)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 307/2016	168
<i>NHR lwn MMB (2018)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 292/2018	199
<i>NMS lwn RER (2018)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 6/2018	181
<i>NNR lwn AZH (2017)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 144/2017	168
<i>Norzaini binti Alias lwn Mohamad Sharif bin Mohamad Taib, (2003) 16 JH 101.</i>	89
<i>OKM lwn ETS (2017)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 63/2017	175

<i>QAI lwn SRR (2016)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 321/2016	175
<i>RAM lwn CAS (2017)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 103/2017	181
<i>RBA lwn ABA (2015)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 532/2015	112
<i>RBH lwn MIH (2014)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 489/2014	115
<i>RBM lwn BBI (2019)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 140/2018	79
<i>RBM lwn SBI (2014)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 227/2014	126
<i>RBO lwn ABA (2017)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 157/2017	168
<i>RBR lwn FA (2018)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 230/2018	154
<i>Rokiah lwn Mohamad Idris, (1986) 6 JH 272.</i>	78
<i>Roslan bte Abdul Ghani lwn Zulkifli, (1986) JH 6 JH 338</i>	11
<i>RUI lwn NNA (2017)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 360/2017	152
<i>Salim lwn Masiah, (1976) 2 JH 296</i>	88
<i>SAW lwn YBD (2017)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 42/2017	161
<i>SBI lwn MFH (2015)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 377/2015	118
<i>SBI lwn NAN (2015)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 264/2015	124
<i>SBJ lwn MSH (2018)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 227/2018	199
<i>SBM lwn AKJ (2016)</i> , Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 737/2016	149

<i>SBS lwn SBA (2014), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 316/2014</i>	107
<i>SKZ lwn MFS (2016), Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal: 553/2016</i>	156
<i>SNF lwn SFF (2017), Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 591/2017</i>	175
<i>SNS lwn MKJ (2017), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 339/2017</i>	181
<i>SRA lwn WMJ (2018), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 150/2018</i>	168
<i>UKY lwn ZBI (2013), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 714/2013</i>	103
<i>Wan Azmi lwn Nik Salwani, (1990) 9 JH 41</i>	90
<i>WBY lwn KMK (2018), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 15/2018</i>	181
<i>WMI lwn AMB (2013), Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 135/2013</i>	118
<i>YBH lwn NFK (2018), Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 231/2018</i>	175
<i>ZCD lwn IBA (2016), Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 165/2016</i>	175

**PENYELESAIAN KONFLIK TUNTUTAN NAFKAH ANAK DI  
MAHKAMAH SYARIAH PULAU PINANG**

**ABSTRAK**

Nafkah adalah kewajipan bagi setiap orang yang berada di bawah tanggungannya. Proses di Mahkamah Syariah juga tertakluk kepada prosedur-prosedur dan peraturan mahkamah yang menyebabkan tempoh penyelesaian kes mengambil masa yang begitu lama. Maka atas inovasi, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) telah mengeluarkan satu Pekeliling Ketua Hakim Syarie yang membolehkan perintah nafkah anak dilakukan secara mandatori. Objektif dari kajian ini adalah cara menyelesaikan konflik tuntutan nafkah anak yang diperintahkan sebelum tahun 2016. Kemudian dianalisis pelaksanaan perintah nafkah anak secara mandatori yang bermula tahun 2016. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan dengan merujuk kepada buku-buku ilmiah, jurnal, kertas seminar serta menganalisis peruntukan undang-undang. Selain itu, kajian melalui lapangan seperti mengunjungi tempat secara langsung dapat melihat lebih jelas mengenai objek penelitian. Kemudian kajian pemerhatian yang menggunakan bentuk tanpa penyertaan dan tanpa kawalan sebagai memerhati proses perbicaraan dalam mahkamah. Dapatan kajian mendapati, perintah nafkah anak secara mandatori tersebut membolehkan si ibu memperoleh perintah nafkah dengan segera dengan hanya tempoh kurang dari satu hari sahaja. Kesan dan impak dari pelaksanaan tersebut dapat mengurangkan kehadiran ke mahkamah daripada 13 kali kepada sekali sahaja, masa prosiding perbicaraan yang singkat, penjimatan kos perjalanan ke mahkamah dan menjaga kebajikan sosial secara langsung kepada

pihak-pihak yang terlibat. Ini sekaligus tanggungjawab oleh seorang bapa dapat dilakukan dengan serta merta.

## **CHILD MAINTENANCE CONFLICT SOLUTION IN THE SYARIAH**

### **COURT OF PENANG**

#### **ABSTRACT**

Nafkah or child maintenance is a responsibility for everyone who is under his or her dependence. The process at the Sharia Court is based on the procedures and court rules that cause the duration of case solution taking a lot of time. Therefore, as an innovation, Penang Syariah Judicial Department (JKSNPP) has introduced a circular of the Chief Sharia Judge that enables Children's Alimony order to be done mandatorily. The objective of this research is to solve alimony claims on the children that has been ordered by the court before 2016. Then, the order on the children's alimony has been made mandatory since 2016. The methodology used for this research is library-based research by referring to the academic books, journals, seminar letters and analysing law allocations. Other than that, site visits are also conducted by assessing those locations live so that the objects can be monitored clearer by observational research without any participation and control in court proceedings. The result of the research has found out that the mandatory order on alimony allows the mother to get alimony less than 1 day. The effect and impact of this innovation could lessen the attendance to the court from 13 times to just 1 only, a shorter duration on the proceedings, lesser transportation costs to the court, and ensuring that social charity on the involved parties. So, this will make sure that the responsibility of a father is done immediately.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan menjelaskan berkenaan latar belakang kajian, kemudian diikuti dengan masalah kajian, persoalan kajian, objektif yang ingin dicapai, skop kajian, sorotan kajian lepas, metodologi kajian yang ingin digunakan seperti pengumpulan data serta analisis data dan yang terakhir ialah definisi operasional.

#### **1.2 LATAR BELAKANG**

Sistem kekeluargaan amat penting dalam Islam. Ini kerana terbentuknya sesuatu umat adalah bermula dari keluarga yang kecil. Kesejahteraan dan kekuatannya bergantung kepada kesejahteraan keluarga yang membentuk umat ini, yang banyak tertumpu kepada kemampuan kewangan (nafkah). Walaupun begitu, di dalam kehidupan berumahtangga, kadangkala timbul juga perselisihan faham di antara suami isteri sehingga berakhirnya perceraian. Namun begitu, perceraian tidak memutuskan tanggungjawab suami khususnya dari segi pembayaran nafkah terhadap anak-anak sebagaimana yang ditetapkan oleh Syarak.

Apabila isu tuntutan nafkah ini tidak boleh diselesaikan di antara suami isteri, maka penyelesaian terakhir adalah menemui orang tengah untuk menyelesaikannya iaitu Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah akan menetapkan sejumlah aman untuk pembayaran nafkah kerana nafkah itu adalah kewajipan bagi seorang bapa kepada anaknya. Kewajipan ini adalah bertetapan dengan dalil al-Quran. Firman Allah:-

ۚ وَالْوَلِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِيمَ  
 الْرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا  
 تُكَلِّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ وَ  
 بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَ اِنْ فِصَالًا عَنْ تَرَاضِ  
 مِنْهُمَا وَتَشَاءُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرِضُعُوا  
 أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا ءَاتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ  
 وَأَتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ<sup>١</sup> ۲۳۳

Bermaksud:

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.”<sup>2</sup>

Dalam Seksyen 73(1)<sup>3</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 memperuntukkan:-

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah ayat 233

<sup>2</sup> Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an, edisi 13, (2002). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

<sup>3</sup> Enakmen 3.

“Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.”

Bapa wajib memberikan nafkah terhadap anak-anak berumur di bawah umur 18 tahun ataupun sehingga ijazah pertama ataupun bekerja yang mana terlebih dahulu kerana mereka belum mempunyai akal yang matang sebelum mereka berkahwin.<sup>4</sup>

Kewajipan seorang bapa ialah memberikan tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya.<sup>5</sup>

Jikalau Mahkamah telah menetapkan perintah bahawasanya nafkah itu wajib dibayar oleh bapa, seorang bapa tidak boleh menafikan atau mengingkari perintah mahkamah. Apabila jika seorang bapa telah mengingkari perintah mahkamah dan juga lari dari tanggungjawab bagi mengelakkan diri dari membayar nafkah walaupun tertunggak satu bulan, tindakan boleh diambil oleh pihak mahkamah sekiranya terdapat aduan dari pihak yang menuntut. Peruntukan ini ada disebut dalam Seksyen 134(2)<sup>6</sup> Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004:-

“Jika apa-apa ansuran yang dibenarkan dengan perintah di bawah subseksyen (1) tertunggak selama tempoh lebih dari satu bulan, perintah itu hendaklah disifatkan telah terbatal dan pemutang penghakiman bolehlah menjalankan pelaksanaan bagi mendapatkan kesemua amaun yang pada masa itu kena dibayar atas penghakiman itu, tetapi pengutang penghakiman itu boleh memohon untuk mendapatkan perintah yang lain.”

---

<sup>4</sup> Seksyen 80 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Enakmen 4.

Sekiranya si bapa tidak hadir ke mahkamah, dan perintah telahpun dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah, maka perintah tersebut mesti diserahkan kepada si bapa. Si bapa mestilah mengetahui sejumlah amaun yang wajib dibayar apabila telah diperintahkan oleh mahkamah. Maksud bapa yang mengetahui ialah pihak suami tersebut hadir di mahkamah dan menerima perintah yang telahpun dicop oleh Hakim dan telah dimeterai oleh mahkamah. Sekiranya perintah tersebut tidak berjaya diserahkan kepada suami disebabkan suami hilang ataupun tidak dapat dijejaki, maka perintah tersebut terpaksa dihentikan terlebih dahulu sehingga pihak suami berjaya ditemui dan sekaligus berjaya diserahkan perintah tersebut kepadanya.

Suami yang melantik peguam ataupun yang hadir sendiri, wajib mengetahui bahawa perintah tersebut supaya kewajipan itu dapat dilaksanakan dengan mudah kerana itu adalah dokumen penting dengan berdasarkan peruntukan undang-undang dibawah Seksyen 135(2)<sup>7</sup> Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004:-

“Jika orang yang dikehendaki melakukan perbuatan itu hadir sendiri atau diwakili oleh Peguam Syarienya semasa penghakiman atau perintah diberikan atau dibuat, maka salinan penghakiman atau perintah itu tidaklah perlu disampaikan kepadanya.”

Harapan dalam kajian ini adalah agar perintah nafkah anak yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah secara mandatori ini, dapat diterima oleh masyarakat betapa pentingnya nafkah anak walaupun masih dalam hubungan suami isteri ataupun telah terpisah. Kerana nafkah ini adalah suatu yang wajib dan mesti dilaksanakan dengan segera. Dan diharapkan ia juga dapat dijadikan impak yang positif kepada

---

<sup>7</sup> Enakmen 4.

Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri lain dalam Malaysia bagi melaksanakan perintah nafkah anak secara mandatori ini.

### **1.3 MASALAH KAJIAN**

Antara masalah kajian yang dikenalpasti adalah sebagaimana berikut;

- (1) Faktor kekangan masa oleh isteri yang terpaksa menyara anak apabila kes ini difail dan dibicarakan di mahkamah menyebabkan isteri menghadapi tekanan emosi, sosial serta mengeluarkan kos yang tinggi atas kehadiran yang melibatkan pengangkutan, tol, minyak, makan dan sebagainya.<sup>8</sup> Ini menunjukkan kesan yang negatif kepada isteri itu sendiri kerana terpaksa menghadapi situasi seperti masa untuk mencari rezeki dan masa untuk hadir di Mahkamah Syariah. Justeru, sewaktu berlaku perceraian, amatlah wajar perintah nafkah mandatori ini dilaksanakan dengan menggabungkan nafkah anak dalam satu perintah supaya situasi tersebut dapat dielakkan.
- (2) Proses di mahkamah yang menghendaki setiap kes difailkan secara berasingan mengikut garis panduan sepertimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil 5/2009 menyebabkan kes-kes mahkamah mempunyai karenah birokrasi. Perbicaraan berasingan bagi pengesahan perceraian dan perintah nafkah anak menyulitkan keadaan isteri dan anak-anak. Tempoh yang diambil untuk perbicaraan agak lama iaitu mengambil masa berbulan-bulan. Akibatnya banyak kes akan berlaku dan terdapat kes yang masih belum diselesaikan akibat giliran perbicaraan yang tertunggak.<sup>9</sup> Justeru, setiap

---

<sup>8</sup> Tuan Mohamad Aslam bin Ahmad, Penolong Pegawai Syariah di Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang, dalam temubual melalui di pejabat beliau di Bangunan Persekutuan Pulau Pinang pada 19hb Oktober 2018.

<sup>9</sup> Tuan Mohd Mawardiey bin Salleh, Penolong Pegawai Syariah di Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Pulau Pinang, dalam temubual melalui di pejabat beliau di Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 19hb Oktober 2018.

perbicaraan kes cerai hendaklah terus membicarakan aspek yang berkaitan terus seperti tuntutan nafkah, jagaan anak dan lain-lain. Maka disini nafkah mandatori sangat diperlukan supaya kes dapat diselesaikan dengan segera.

(3) Ketidakseragaman undang-undang dan bidangkuasa pentadbiran nafkah yang berasingan antara negeri menambahkan konflik. Bidangkuasa peruntukan undang-undang Pulau Pinang yang hanya berkuatkuasa di Negeri Pulau Pinang tetapi tidak di negeri yang lain menyebabkan layanan berbeza kepada nasib ibu dan anak sekiranya mereka berada di negeri yang lain. Setiap negeri di Malaysia perlu berkompromi dalam menyeragamkan peruntukan dan Ketua Hakim Syarie dapat mengeluarkan surat arahan amalan supaya seragam.<sup>10</sup> Di negeri lain masih tiada Pekeliling Ketua Hakim berkenaan perintah nafkah mandatori ini. Ini dapat menjadikan satu konflik bagi setiap negeri-negeri lain dalam melaksanakan perkara ini. Justeru, pemakaian Pekeliling Ketua Hakim berkenaan perintah nafkah anak mandatori di Pulau Pinang diperlukan dan dapat dijadikan ikutan yang positif kepada negeri-negeri lain.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

- i. Apakah tuntutan nafkah anak dan sejauhmanakah penyelesaian konflik oleh hakim dari segi syarak?
- ii. Apakah bidangkuasa Mahkamah Syariah dan berapakah tempoh masa yang diperlukan dalam pengeluaran perintah tuntutan nafkah anak oleh hakim sebelum tahun 2016?
- iii. Sejauhmanakah keberkesanan terhadap perintah nafkah anak secara mandatori berdasarkan peruntukan undang-undang keluarga Islam?

---

<sup>10</sup> Tuan Nik Suhaimi bin Nik Saberi, Penyelidik Ketua Hakim Syarie di Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Aras 6, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 17hb Oktober 2018.

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Menyelidik tuntutan nafkah anak dan penyelesaian konflik oleh hakim dari segi syarak.
- ii. Menyelidik bidangkuasa Mahkamah Syariah dan tempoh masa pengeluaran perintah tuntutan nafkah anak oleh hakim sebelum tahun 2016.
- iii. Menganalisis keberkesanan berkaitan perintah nafkah anak mandatori berdasarkan peruntukan undang-undang keluarga Islam.

## **1.6 SKOP**

Dalam kajian ini, penulis hanya membincangkan beberapa skop tertentu supaya kajian menjadi terfokus dalam menyelesaikan permasalahan kajian yang telah digariskan. Skop kajian ini ialah:-

- a) Kajian berkisarkan perintah nafkah anak secara mandatori berdasarkan hukum syarak dan peruntukan undang-undang dalam Enakmen-enakmen Mahkamah Syariah Pulau Pinang. Pemilihan topik ini adalah atas justifikasi bahawa terdapat lambakan kes yang berlaku di dalam Mahkamah Syariah sehingga menyusahkan pihak mahkamah dan juga pelanggan yang melibatkan kos, masa dan sebagainya, adalah wajar perintah nafkah mandatori ini dilaksanakan. Ini kerana topik ini sangat sesuai dikaji kerana ia melibatkan tanggungjawab institusi kerajaan ke atas kebijakan orang awam. Kajian ini bagi menambahbaik agar perkhidmatan ini dapat menjadi lebih professional dan memudahkan urusan masyarakat sejagat.
- b) Penulis akan membuat tinjauan lokasi di sekitar Mahkamah-mahkamah Syariah di Negeri Pulau Pinang sahaja. Asas pemilihan lokasi ini adalah berdasarkan justifikasi bahawa Pulau Pinang adalah negeri yang pertama melaksanakan perintah nafkah anak mandatori ini melalui Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil 1

Tahun 2016 yang melibatkan bagi mahkamah-mahkamah rendah Syariah seluruh daerah di Pulau Pinang iaitu:-

- i. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut.
- ii. Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara.
- iii. Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah.
- iv. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya, dan
- v. Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan.

Penulis akan mencari dan menyelidik berdasarkan statistik data-data, temubual bersama rakan-rakan peguam dan kakitangan Mahkamah Syariah.

c) Tempoh yang dikaji adalah sekitar dari tahun 2013 sehingga 2018. Justifikasi batasan kajian bagi tempoh enam tahun ini adalah satu perbandingan yang mencukupi iaitu tiga tahun sebelum dan tiga tahun selepas pelaksanaan perintah nafkah mandatori. Ini kerana perintah nafkah anak mandatori mula dilaksana pada awal tahun 2016 serentak di daerah-daerah Mahkamah Rendah Syariah seluruh Pulau Pinang. Bagi tahun 2013 dan 2015, pelaksanaan perintah pada tahun tersebut masih belum dilaksana, dan pada tahun 2016 dan 2018 telahpun dilaksana. Negeri Pulau Pinang adalah negeri yang pertama menggunakan kaedah nafkah anak secara mandatori di dalam negara ini. Walaupun kes itu difailkan perceraian, mahkamah tetap memasukkan sejumlah amaun nafkah anak walaupun perbicaraan sebelah pihak.

Bagi negeri lain, perintah yang dikeluarkan hanyalah melibatkan perceraian semata-mata jika kes itu difailkan perceraian. Kecuali jika ada persetujuan pihak-pihak untuk memasukkan nafkah, maka barulah mahkamah akan memerintahkannya.

## **1.7 SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Dalam pelaksanaan pengeluaran perintah secara mandatori oleh mahkamah, masih terdapat pengaburan bagi sesetengah pihak. Terdapat beberapa pembacaan dari buku-buku, jurnal, persidangan dan kertas kajian. Ia menyentuh kajian-kajian terdahulu. Kajian pertama adalah Jurnal Usuluddin yang dikarang oleh Mohd Nazri Ahmad yang bertajuk “Konsep Kehakiman Dalam Islam”<sup>11</sup> mengatakan, pada zaman Rasulullah, Rasulullah bertindak sendiri dalam memberi keputusan. Pada zaman dahulu, tidak banyak kes-kes pada peringkat awal Islam. Rasulullah hanya mengeluarkan fatwa dan fatwa itu dijadikan rujukan kepada natijah yang besar dalam perundangan Islam. Kajian ini menjelaskan bahawa Rasulullah akan memberi keputusan setelah mendengar oleh kedua-dua belah pihak. Setelah berlaku pengakuan oleh kedua-dua pihak, maka Rasulullah akan terus memberi keputusan. Namun begitu, kes-kes yang diselesaikan hanya kes yang umum berkenaan dengan hal-hal suami isteri sahaja.

Kajian yang kedua adalah daripada Mahmud Saedon dari Jurnal Hukum yang bertajuk “Kehakiman Islam Pada Zaman Rasulullah.”<sup>12</sup> Kajian ini menjelaskan bahawa Rasulullah telah menegaskan segala bentuk tuntutan perlu kepada keterangan dan hujah. Jika tidak ada pembuktian oleh orang yang menuntut, maka tidak boleh dilayan. Dan orang yang dituduh pula, perlu membela diri sekiranya terdapat pembuktian dan juga keterangan yang membolehkan hakim mendengar dan menilai sejauh mana penafiannya itu. Kajian ini tidak menjelaskan keputusan dengan serta

---

<sup>11</sup> Mohd Nazri Ahmad. (2001). *Konsep Kehakiman Dalam Islam*. UM: Jurnal Usuluddin Bil. 14. Hlm 87-96.

<sup>12</sup> Mahmud Saedon Othman. (1991). *Kehakiman Islam Pada Zaman Rasulullah* S.A.W. Kuala Lumpur: Jurnal Hukum Jil VII Bhg. 3. Hlm 138-150.

merta dan ia perlu kepada perbicaraan antara kedua-dua pihak bagi membolehkan hakim membuat keputusan berdasarkan keterangan dari pihak-pihak.

Seterusnya kajian yang ketiga ialah daripada karangan yang sama iaitu Mahmud Saedon dari Jurnal Hukum yang bertajuk “Peranan Prinsip “*Adabul Qadi*” Dalam Kehidupan Qadi dan Semasa Bertugas di Mahkamah.”<sup>13</sup> Dalam kajian ini hanya membincangkan hakim yang perlu melakukan keadilan bagi pihak yang masih dalam prosiding perbicaraan di mahkamah sehinggalah hakim menjatuhkan hukuman. Selain itu, dalam konsep keadilan, hakim perlu bersifat adil dalam kehidupan seharian diluar tugasan dan didalam tugasan. Kajian ini tidak membincangkan mengenai tempoh keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah. Walau bagaimanapun, soal utama adalah keadilan bagi kedua-dua pihak dalam menjatuhkan hukuman tidak kira sama ada cepat ataupun lambat.

Dalam kitab *Al-Şulṭah al-Qaḍāiyah wa Shakhṣiyah al-Qāḍī fī al-Niżām al-Islāmī* yang dikarang oleh Muhammad ‘Abd al-Rahmān al-Bakr pada tahun 1988,<sup>14</sup> pada zaman dinasti Abasiyyah, hakim-hakim pada ketika itu apabila mengambil keterangan dalam kes mal, akan terus memberi keputusan berdasarkan perbicaraan yang ditulis atau dicatat oleh hakim-hakim semasa prosiding perbicaraan. Setelah keputusan dibaca, jika terdapat satu pihak yang tidak berpuas hati. Hakim akan merujuk kepada penulisan yang dicatat semasa perbicaraan. Namun begitu, kes ini umum hanya kepada kes mal dan tidak dinyatakan berkenaan nafkah anak.

Kajian yang kelima pula merujuk kepada Jurnal Syariah Jil. 24 yang bertajuk “Amalan Penulisan Penghakiman Dan Pelaksanaan Di Mahkamah Syariah Malaysia”

---

<sup>13</sup> Mahmud Saedon Othman. (1987). *Peranan Prinsip “ Adabul Qadi” Dalam Kehidupan Qadi dan Semasa Bertugas di Mahkamah*. Kuala Lumpur: Jurnal Hukum Jil 2 Bhg. 1 dan 2.

<sup>14</sup> Muḥammad ‘Abd al-Rahmān al-Bakr. (1988). *Al-Şulṭah al-Qaḍāiyah wa Shakhṣiyah al-Qāḍī fī al-Niżām al-Islāmī*. Qāhirah: al-Zahrā li al-I'lām al-‘Arabī. Hlm 263.

karangan oleh Mastura Razali.<sup>15</sup> Dalam kajian ini membincangkan segala perbicaraan perlu dicatat sebelum keputusan dibaca oleh hakim. Catatan tersebut penting kerana dikhuatiri akan terjadi salah satu pihak menghilangkan diri semasa keputusan dibaca, tidak hadir apabila hukuman dijatuhkan dan tidak hadir pada hari hukuman. Dan kajian ini hanya difokuskan kepada keputusan mahkamah yang memerlukan masa setelah diambil keterangan-keterangan dari pihak-pihak.

Kajian keenam pula adalah “Nafkah Anak Tak Sahtaraf Yang Beragama Islam: Peruntukan Undang-undang Di Malaysia” yang dikarang oleh Zaleha Kamaruddin dan Aziah Mohd.<sup>16</sup> Dalam kajian ini, prosiding perbicaraan dalam mahkamah diperlukan bagi menentukan bapa biologi terhadap anak tak sah taraf. Ini kerana, terdapat contoh kes *Roslan bte Abdul Ghani lwn Zulkifli*<sup>17</sup> yang menyatakan bahawa pihak menuntut telah memohon tuntutan nafkah anak daripada bekas suaminya. Perbicaraan tersebut dilakukan kerana tiada persetujuan daripada pihak yang kena tuntut. Oleh itu, perbicaraan ini mengambil masa dalam menentukan kedudukan nafkah anak tersebut dan tidak dilakukan keputusan secara terus.

Di samping itu, terdapat juga jurnal yang bertajuk “Analisa Keputusan Mahkamah Syariah Dalam Penentuan Kadar dan Bentuk Nafkah” yang ditulis oleh Abu Suffian bin Abu Yaziz dan Zaini Nasoha.<sup>18</sup> Kajian ini berkisarkan berkenaan penentuan kadar nafkah yang diputuskan oleh mahkamah. Bentuk-bentuk nafkah seperti makanan, pakaian, perbelanjaan persekolahan dan juga perbelanjaan hari raya dinilai tahap kemampuan bapa sebelum diputuskan oleh mahkamah. Walau

<sup>15</sup> Mastura Razali, Jasni Sulong. (2016). *Amalan Penulisan Penghakiman Dan Pelaksanaannya Di Mahkamah Syariah Malaysia*. UM. Jurnal Syariah, Jil. 24, Bil 1. Hlm 25-58.

<sup>16</sup> Zaleha Kamaruddin dan Aziah Mohd. (2009). *Nafkah Anak Tak Sahtaraf Yang Beragama Islam: Peruntukan Undang-undang Di Malaysia*: JKSM. Jurnal Hukum Jld. 28 Bhg. 1

<sup>17</sup> (1986) JH 6 JH 338.

<sup>18</sup> Abu Suffian bin Abu Yaziz dan Zaini Nasoha. (2012). *Analisa Keputusan Mahkamah Syariah Dalam Penentuan Kadar dan Bentuk Nafkah*. JKSM: Jurnal Hukum Jil. 35 Bhg. 1. Hlm 1-18.

bagaimanapun, penentuan keputusan bergantung kepada bentuk-bentuk nafkah. Bentuk-bentuk nafkah seperti perbelanjaan hari raya dan juga persekolahan diberi keputusan terus kerana jumlah tersebut hanya dinilai sekali setahun sahaja. Manakala perbelanjaan harian diperlukan dalam perbicaraan secara terperinci kerana melibatkan jumlah nafkah harian dan diperlukan masa untuk memberi keputusan.

Seterusnya kajian daripada Zaini Nasoha dalam Jurnal Undang-undang yang bertajuk “Cabaran Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Negeri Selangor dari Perspektif Peguam Syarie”.<sup>19</sup> Di dalam jurnal undang-undang ini, perbincangan adalah berkenaan perintah nafkah anak dalam melaksana dan menguatkuasakan perintah tersebut. Dalam kajian ini, perintah nafkah anak telahpun dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah setelah dibicarakan dan diperintahkan oleh defendant untuk melaksanakan keputusan yang telah dibuat oleh Hakim.

Fokus disini hanya melibatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah anak yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Pelaksanaan perintah tersebut mestilah dipatuhi selagi mana perintah itu tidak diubah ataupun dibatalkan oleh Mahkamah. Kegagalan pihak bertanggungan melaksanakan perintah mahkamah akan menyebabkan matlamat sesuatu penghakiman tidak tercapai.

Selain itu, terdapat juga kajian yang dibuat oleh Nora Abdul Hak, dari Kulliyyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia melalui kertas kerja yang bertajuk “Hak Kanak-kanak dari Aspek Hadhanah dan Nafkah di Bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia”.<sup>20</sup> Dalam pembentangan ini

---

<sup>19</sup> Zaini Nasoha. (2009). *Cabaran Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Negeri Selangor Dari Perspektif Peguam Syarie*. UKM: Jurnal Undang-undang.

<sup>20</sup> Nora Abdul Hak. (2004). *Hak Kanak-kanak Dari Aspek Hadhanah Dan Nafkah Di Bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

menjelaskan berkenaan perintah nafkah anak melalui pengubahan serta perintah potongan gaji di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak 1961.

Berkenaan nafkah anak dalam makalah ini juga, keperluan anak-anak untuk meneruskan kehidupan adalah meliputi hak untuk mendapatkan makanan, pakaian, tempat tinggal dan termasuklah juga perkhidmatan yang lain seperti ubat, kenderaan dan sebagainya. Tanggungjawab menunaikan nafkah ini tidak berubah atau berpindah disebabkan oleh sesuatu keadaan, sebagai contoh sekalipun isteri itu seorang yang kaya raya, suami tetap diwajibkan menunaikan tanggungjawab ini.

Di samping itu, terdapat juga tesis Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Malaya oleh Azhar bin Abdul Aziz bertajuk “Amalan Perkongsian Antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Sumbangan Isteri Bekerja dalam Perbelanjaan Rumah Tangga”.<sup>21</sup> Kajian ini mengenai amalan perkongsian pendapatan antara suami dan isteri dalam mencadangkan mekanisme penetapan kadar nafkah isteri dan anak. Penentuan tersebut berdasarkan kadar yang telah diperoleh oleh suami dan isteri dalam konteks perbelanjaan kadar nafkah bagi sesebuah keluarga. Berkenaan kadar tersebut, ia adalah berdasarkan hukum syarak kontemporari berlandaskan situasi zaman terkini.

Dalam tesis Ijazah Doktor Falsafah juga yang bertajuk “Penentuan Kriteria Kifayah dan Ma’ruf Nafkah Isteri dan Anak Di Malaysia” dari Universiti Malaya.<sup>22</sup> Tesis tersebut menerangkan mengenai keperluan dalam tanggungjawab memberi nafkah. Kajian dilakukan berdasarkan kemampuan bagi seorang ibu yang berkerjaya dan dibandingkan dengan taraf ekonomi bagi setiap ibu menurut kepada faktor usia,

<sup>21</sup> Azhar bin Abdul Aziz. (2012). *Amalan Perkongsian Pendapatan antara Suami Isteri Dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Sumbangan Isteri Bekerja Dalam Perbelanjaan Rumah Tangga*. Kuala Lumpur: Tesis Ph.D Universiti Malaya.

<sup>22</sup> Bahiyah binti Ahmad. (2015). *Penentuan Kriteria Kifayah dan Ma’ruf Isteri Dan Anak Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Tesis Ph.D Universiti Malaya.

tempat dan ekonomi. Walau bagaimanapun, kajian mengenai tesis tersebut tidak ditetapkan oleh mahkamah untuk memerintahkan nafkah kepada anak. Ia dikaji mengenai kos perbelanjaan yang berbeza berdasarkan kemampuan oleh si ibu.

Seterusnya dalam buku Suwaid Tapah yang bertajuk “Nafkah Isteri, dalam Undang-undang Keluarga Islam”<sup>23</sup> membincangkan taksir kadar nafkah bagi isteri dan anak. Pentaksiran berdasarkan sosio ekonomi seorang bapa dan tahap kemampuan dalam memberi nafkah. Buku ini juga menjelaskan terdapat kajian yang dilakukan pada tahun 1981 bersesuaian dengan ekonomi semasa yang berjumlah RM10 sehari bagi makanan untuk ibu dan anak. Namun, kajian ini berkisarkan taksiran kadar nafkah sahaja dan mahkamah memerlukan perbicaraan yang penuh dalam menentukan kadar yang wajib dibayar oleh suami atau bapa.

Sorotan kajian lepas yang ketiga belas pula dari buku yang bertajuk “Undang-undang Keluarga: Nafkah dan Hak-Hak Kewangan Lain” yang dikarang oleh Nik Noraini Nik Badli Shah.<sup>24</sup> Buku ini memfokuskan kepada keupayaan seorang bapa dalam memberi nafkah. Mahkamah akan menilai tahap kemampuan seorang suami atau bapa dalam memberi nafkah. Kandungan buku ini juga menjelaskan perbandingan hakim di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Penilaian kadar tersebut melihat kepada faktor-faktor yang mempengaruhi dalam penentuan kadar nafkah. Penilaian kadar tersebut menyebabkan hakim-hakim perlu meneliti setiap perbicaraan sebelum membuat keputusan.

Seterusnya persidangan yang dibentang oleh Nurhidayah Hashim di bawah tajuk “Failure to Provide Maintenance For The Wife & Children: Is The Justice For

---

<sup>23</sup> Suwaid Tapah. (2006). *Nafkah Isteri: Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

<sup>24</sup> Nik Noraini Nik Badli Shah. (1994). *Undang-undang Keluarga: Nafkah dan Hak-Hak Kewangan Lain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka

Women In Malaysia’s Syariah Court?”.<sup>25</sup> Perbentangan ini berkisarkan berkenaan penentuan kadar bagi sesebuah tempat. Budaya sesetengah tempat adalah berbeza sebagai contoh, ada tempat yang memerlukan orang gaji atau pembantu rumah dan ada yang tidak memerlukannya. Dalam penentuan hakim untuk memberi keputusan, hakim akan menilai tahap kemampuan seorang bapa sama ada diperlukan orang gaji atau tidak jika ada tuntutan. Ini dilihat berdasarkan keperluan mustahak iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, perbicaraan ini perlu diteliti sebaiknya kerana hakim perlu memperhalusi sebelum keputusan dibuat.

Kajian yang terakhir iaitu yang kelima belas adalah tesis sarjana yang bertajuk “Mekanisma Penetapan Kadar Nafkah Anak: Analisis Terhadap Penghakiman Kes-kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor”.<sup>26</sup> Tesis ini dianalisis penetapan kadar nafkah anak di Negeri Selangor. Kajian tersebut menetapkan kadar sebulan bagi seorang anak adalah sebanyak RM150. Ini berdasarkan penilaian untuk makanan sebanyak RM5 sehari. Pandangan ini bersandarkan dari YAA Haji Ismail Yahya iaitu Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, penentuan kadar ini bukanlah mekanisma yang ditetapkan. Ia perlu dibicara dengan jelas berdasarkan kemampuan seorang bapa dan juga mengambil kira faktor tempat tinggal, pakaian, perbelanjaan sekolah dan ubat-ubatan.

Berdasarkan tajuk-tajuk kajian lepas yang dirujuk, maka penulis berpandangan terdapat kelompongan serta perbezaan yang boleh dijalankan untuk kajian ini. Walaupun terdapat persamaan mengenai penentuan keputusan hakim dan

---

<sup>25</sup> Nurhidayah Muhamad Hashim. (2008). Failure to Provide Maintenance For The Wife & Children: Is The Justice For Women In Malaysia’s Syariah Court?. UM: 5<sup>th</sup> Asian Law Institute Conference (ASLI).

<sup>26</sup> Siti Aisyah Din. (2010). *Mekanisma Penetapan Kadar Nafkah Anak: Analisis Terhadap Penghakiman Kes-kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor*. UM: Tesis Sarjana.

karya nafkah anak, namun tiada lagi kajian tentang perintah nafkah anak secara mandatori ini.

## 1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi ialah gabungan dua perkataan Yunani iaitu “methodos” yang bermaksud cara atau jalan, dan “logos” bererti ilmu. Hasil gabungan daripada dua perkataan ini membawa pengertian bahawa metodologi ialah cara atau jalan bagi memahami sesuatu perkara yang berkaitan dengan ilmu yang hendak dikaji.<sup>27</sup> Kenneth D. Bailey mendefinisikan metodologi ialah falsafah proses penyelidikan dan kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsirkan data dan membuat kesimpulan.<sup>28</sup> Manakala Imam Bernadib pula menjelaskan metodologi sebagai ilmu tentang menjalankan penelitian.<sup>29</sup> Dengan kata lain, metodologi ialah ilmu tentang cara atau kaedah yang digunakan untuk melakukan sesuatu kajian atau penyelidikan.

Dalam kajian ini, metode yang digunakan adalah metode pengumpulan data dan juga metode analisis data. Terdapat pecahan di metode pengumpulan data iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Manakala metode analisis data pula merangkumi metode deduktif, metode induktif dan juga metode komparatif. Metode-metode tersebut adalah bersesuaian dengan kajian ini dan dijelaskan secara terperinci seperti berikut:

---

<sup>27</sup> Koentjaraningrat. (1977). *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia.

<sup>28</sup> Bailey Kenneth. (1982). *Kaedah Penyelidikan Sosial Terjemahan Hashim Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

<sup>29</sup> Imam Bernadib. (1982). *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan FIK-IKIP.

### **1.8.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data ialah kaedah mengumpul maklumat secara terperinci yang diketahui atau telah dikumpulkan mengenai sesuatu dan seterusnya dijadikan asas untuk membuat kajian secara analisis kesimpulan.

Dalam usaha mengumpul data yang diperlukan, penulis menggabungkan beberapa metode dengan melakukan dua bentuk penyelidikan utama iaitu Kajian Kepustakaan (*Library Research*) dan Kajian Lapangan (*Field Research*).

#### **1.8.1(a) Kajian Kepustakaan (*Library Research*)**

Penyelidikan kepustakaan merupakan satu teknik yang digunakan oleh seseorang penyelidik bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.<sup>30</sup> Ia hampir sama dengan metode dokumentasi. Ia merujuk kepada proses pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah-masalah yang diteliti.<sup>31</sup> Dengan ini metode dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan sedikit pembelajaran terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti.

Dalam kajian ini, penulis mengumpul data-data dengan merujuk kepada dokumen-dokumen yang diperolehi. Setelah dibaca, diteliti, dianalisis seterusnya dirumuskan dan membuat kesimpulan kepada persoalan yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Metode dokumentasi ini banyak terdapat di dalam bab pertama dan kedua, bab ketiga, rumusan dan kesimpulan. Penggunaan metode ini memberi fungsi yang penting bagi menyiapkan tesis ini.

---

<sup>30</sup> Mohd Shafie Abu Bakar. (1991). *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, edisi kedua. Bangi: UKM. Hlm 47.

<sup>31</sup> Charles Issawi. (1962). *Filsafat Islam Tentang Sejarah Terjemahan Ali Mukti*. Jakarta: Tinta Mas.

Penulis akan mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mengumpul bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Bahan-bahan yang diperolehi penulis adalah seperti buku-buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas-kertas seminar, akhbar dan lain-lain. Antara perpustakaan yang dikunjungi oleh penulis untuk mendapatkan sumber rujukan data dan fakta adalah seperti berikut:-

- i- Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia
- ii- Perpustakaan Negara
- iii- Perpustakaan Georgetown, Pulau Pinang
- iv- Perpustakaan UniSHAMS, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Syah, Kuala Ketil, Kedah
- v- Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur
- vi- Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- vii- Perpustakaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya
- viii- Perpustakaan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang

### **1.8.1(b) Kajian Lapangan (*Field Research*)**

Dalam penyelidikan ini, kajian lapangan banyak digunakan bagi melengkapkan data perpustakaan selain membantu penulis mendapatkan maklumat-maklumat yang baru. Ini adalah kerana tidak semua maklumat boleh didapati di perpustakaan. Dalam konteks ini, apa yang dihadapi adalah penghayatan dan pengamalan yang dipanggil pendekatan empirikal.<sup>32</sup>

Sehubungan dengan itu, penulis mengunjungi tempat kajian untuk membuat pengamatan secara langsung dengan lebih jelas mengenai objek penelitian. Ia

---

<sup>32</sup> H. Syahrin Harahap. (2001). *Metodologi Studi dan Penelitian Ilmu-Ilmu Ushuluddin*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.

bertujuan membuat penyelidikan secara langsung dengan mendatangi responden atau objek yang menjadi sasaran untuk dikaji serta dibuat perumusan dan kesimpulan yang diperlukan. Semasa menjalankan kajian ini, penulis memulakan proses kajian lapangan dengan beberapa prosedur, antaranya:

- i- Memohon kebenaran secara lisan dari Hakim di setiap mahkamah-mahkamah rendah Syariah di negeri Pulau Pinang untuk kajian ini.
- ii- Mendapat bantuan dari Pegawai Syariah Jabatan Bantuan Guaman di Bangunan Persekutuan untuk memperolehi data-data dari pelanggan.
- iii- Penulis juga telah mendapatkan maklumat dari Penolong Pengarah Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang untuk menambahkan statistik terkini.

Data-data tersebut telah diperolehi dan penulis berjaya menghurai, mengolah serta menganalisis. Walaupun begitu, metode yang digunakan untuk mendapatkan jawapan dengan lebih terperinci dengan lebih bersesuaian adalah berdasarkan dengan metode-metode kajian tertentu . Metode-metode tersebut adalah seperti berikut:-

**i) Metode Temubual (Interview)**

Metode temubual atau wawancara ialah cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka (*face to face*) dengan orang itu.<sup>33</sup> Kaedah temubual juga merupakan satu kaedah pengumpulan maklumat yang melibatkan interaksi sosial

---

<sup>33</sup> Koentjaraningrat. (1991). *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, cetakan kedua. Jakarta: Pustaka Utama Gramedia.

antara individu,<sup>34</sup> dan ia adalah salah satu cara yang terbaik untuk mengetahui kedudukan sesuatu situasi dilihat dari perspektif orang lain.<sup>35</sup>

Dalam usaha untuk mendapatkan data serta maklumat, penulis telah menggunakan metode ini dengan memilih beberapa orang responden yang mempunyai kelayakan yang secukupnya.

Temubual tidak berstruktur dijalankan adalah untuk mendapat maklum balas yang di luar jangkaan penulis. Temubual tidak berstruktur sesuai digunakan sekiranya soalan yang dikemukakan mengkehendaki jawapan yang memerlukan jawapan yang panjang lebar.

Penulis menjalankan temubual ini ke atas beberapa orang responden yang terpilih untuk membantu melengkapkan penyelidikan ini, antaranya:-

- a- Tuan Nik Suhaimi bin Nik Saberi, selaku Penyelidik Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. Justifikasi pemilihan responden ini adalah berdasarkan satu kajian atau kertas kerja yang dihasilnya iaitu “Hari Ini Setuju, Hari Ini Selesai” dalam program Inovasi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. Kertas kerja ini juga bersesuaian dengan Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil 1 Tahun 2016 yang mempercepatkan proses perbicaraan mengenai perceraian dan juga tuntutan nafkah anak.
- b- Tuan Abdul Rahman bin Abdullah, Hakim dan Pegawai Sulh Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut. Justifikasi pemilihan responden ini adalah berdasarkan kepakaran beliau dalam mengendalikan kes dalam Majlis Sulh untuk menyelesaikan masalah pertikaian dalam meletakkan amaun di dalam nafkah dan

---

<sup>34</sup> Unit Penyelidikan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2003). *Manual Kursus Kajian Tindakan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>35</sup> Ibid.

ini boleh membantu kajian ini daripada sudut persetujuan dari pihak-pihak sebelum perintah nafkah mandatori dikeluarkan.

- c- Tuan Muhamad Aslam bin Ahmad, Peguam Kerajaan dari Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang. Justifikasi pemilihan responden ini adalah berdasarkan kepakaran beliau dalam menyediaan pliding untuk menggabungkan kes perceraian dengan nafkah anak. Ini dapat membantu kajian ini dalam proses singkatan masa dari permulaan kes sehingga akhir kes.
- d- Tuan Mohd Noor Alif bin Dolmat selaku Peguam Swasta yang beramat di bawah Tetuan Alif Aishah & Associates. Justifikasi pemilihan responden ini adalah berdasarkan kepakaran beliau dalam menyediakan borang perceraian dimasukkan bersama tuntutan nafkah anak. Ini juga dapat membantu kajian ini dalam proses singkatan masa dari permulaan kes sehingga akhir kes.
- e- Tuan Mohd Mawardiey bin Salleh, Peguam bagi Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang. Justifikasi pemilihan responden ini adalah berdasarkan kepakaran beliau dalam mengendalikan penguatkuasaan perintah berkenaan nafkah anak. Ini dapat membantu kajian berdasarkan statistik dan data-data yang boleh memberi perbezaan dari tahun ke tahun.
- f- Encik Mohd Nazar bin Abdullah, Pembantu Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. Justifikasi pemilihan responden ini adalah berdasarkan kepakaran beliau dalam menyediaan perintah mahkamah yang dibuat olehnya. Di sini ianya dapat membantu kajian ini dalam pengeluaran perintah yang menggabungkan dua kes dalam satu perintah.
- g- Encik Muhamad Auzier bin Azmi, Pembantu Syariah Bahagian Rekod, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang. Justifikasi pemilihan responden ini adalah

berdasarkan kepakaran beliau dalam merekodkan perintah di dalam sistem. Ini dapat membantu kajian berdasarkan data-data yang boleh dikumpulkan melalui tahun-tahun terdahulu.

Tujuan penulis mengadakan temubual ini adalah untuk mendapatkan maklumat tambahan. Melalui metode ini juga penulis akan mendapat maklumat sokongan bagi melengkapkan kajian ini.

## **ii) Pemerhatian**

Metode pemerhatian ialah dilakukan secara terancang dan sistematik. Dalam hal ini pemerhati tahu apa yang ingin diselidiki dan dapat mengenepikan apa yang tidak relevan. Pemerhatian juga dilakukan secara keseluruhan. Sekalipun pemerhati ingin melihat sesuatu secara terperinci, tetapi dapat mengetahui secara keseluruhan lebih baik daripada mengetahui secara sebahagian.<sup>36</sup> Metode ini ialah satu teknik penyelidikan yang sering digunakan. Penulis juga menggunakan metode ini dalam menjalankan kajian.

Dalam klasifikasi pemerhatian, terdapat tiga bentuk bagi mendapatkan maklumat kajian iaitu yang pertama adalah pemerhatian tanpa penyertaan dan tanpa kawalan, yang kedua pemerhatian penyertaan tanpa kawalan dan yang terakhir ialah pemerhatian terkawal.<sup>37</sup> Namun, bersesuaian dengan kajian ini, penulis menggunakan pemerhatian tanpa penyertaan dan tanpa kawalan. Penulis tidak menggunakan dua kaedah lagi kerana penulis bukan dari salah seorang peserta dalam situasi tersebut dan penulis juga tidak boleh memberi arahan atau mengendalikan dan mengatur sesuatu objek tersebut.

---

<sup>36</sup> Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*. Bangi: UKM. Hlm 58.

<sup>37</sup> Ibid. Hlm 55.

Kaedah pemerhatian tanpa penyertaan dan tanpa kawalan dilakukan secara peringkat bersemuka pandangan mata. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat ringkas dan padat bagi mengetahui sifat-sifat luaran berkenaan objektif, peristiwa dan sesuatu kejadian.<sup>38</sup> Sebagai contoh, penulis akan memasuki ke dalam dewan mahkamah terbuka dan hanya mendengar sahaja secara langsung perbicaraan kes yang dilakukan oleh pihak-pihak di hadapan hakim. Pemerhatian ini dimulakan dengan sebutan kes yang merangkumi keputusan saman sama ada berjaya diserahkan atau sebaliknya. Jika tidak berjaya, tindakan arahan hakim seterusnya untuk melakukan penyerahan saman. Ini kerana, sekiranya saman secara ke diri tidak berjaya, hakim boleh menggunakan kuasanya yang terdapat dalam undang-undang sama ada dilakukan secara tampalan di masjid, dewan orang ramai dan di pintu rumah alamat yang terdapat di dalam saman tersebut.<sup>39</sup>

Selanjutnya adalah berkenaan perbicaraan di dalam dewan mahkamah. Hakim akan mengarahkan kedua-dua pihak yang bertikai untuk berdiri dan pihak yang bercakap akan dimasukkan ke dalam kandang saksi untuk memberi keterangan. Daripada keterangan yang diberi oleh kedua-dua pihak, maka penulis akan melihat secara tidak langsung berkenaan perjalanan kes sehingga kes diselesaikan.<sup>40</sup>

Selain daripada itu, firma guaman juga menjadi pilihan dalam metode ini. Penulis memilih firma guaman kerana penulis dapat duduk bersama dengan peguam sekiranya terdapat pelanggan yang hadir dan menyuarakan permasalahan mereka. Hasil dari perbincangan antara peguam dan pelanggan, maka penulis merasakan

---

<sup>38</sup> Ibid.

<sup>39</sup> Tuan Mohd Mawardiey bin Salleh, Penolong Pegawai Syariah di Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Pulau Pinang, dalam temubual melalui di pejabat beliau di Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 19hb Oktober 2018.

<sup>40</sup> Ibid.

sesuatu yang boleh dijadikan satu pengetahuan secara tidak langsung dan dapat membantu untuk menyelesaikan masalah kajian ini.<sup>41</sup>

Pemerhatian ini bertujuan supaya penulis dapat memerhati kaedah dan tatacara yang berkaitan dengan kajian ini dilaksanakan. Penggunaan metode ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang saling melengkapi dengan data daripada metode yang lain.

### **1.8.2 Metode Analisis Data**

Metode analisis data adalah kaedah menganalisis data setelah data-data dan fakta-fakta dikumpulkan melalui metode-metode yang disebutkan di atas, maka penulis akan membuat pengolahan data dan menganalisis.<sup>42</sup> Dalam melakukan pengolahan dan penganalisaan ini, penulis akan menggunakan metode deduktif, induktif<sup>43</sup> dan komparatif.

#### **(a) Metode Deduktif**

Perkataan deduktif berasal dari Bahasa Latin, iaitu *deducere* yang membawa erti membawa atau menuju daripada. Perbahasan deduktif biasanya menuju daripada pernyataan umum kepada pernyataan khusus. Metode deduktif bermaksud cara menganalisis data dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir mencari pembuktian dengan berpandukan kepada dalil yang umum terhadap hal-hal khusus.<sup>44</sup>

---

<sup>41</sup> Ibid.

<sup>42</sup> Muhammad Fadlan bin Othman. (2012). *Bentuk-bentuk Dan Faktor-faktor Kes Kesalahan Matrimoni Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, Tesis Sarjana Pengajian Islam. Bangi: UKM

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup> Imam Barnadib. (1982). Op.Cit. Hlm 52